7	Mesin Perincih Heavy Duty Jenama: Ideal Model: 2270s Paper Shredder (Straight Cut) Saiz : W3985 X D295 X H630 (Mm)	2		
8	Troli Berpagar Dimension: 37" X 25' X 37" Double Handle With Chrome Loading Capacity: 300kg Castor: 5" Grey Rubber Tyre For Better Movement	1		
9	Mesin Binding Heavy Duty Jenama: Axpert Model: Hp2088 Document Size: A4 Punch Capacity 80g: 20 Sheets Bind Capacity 80g: 500 (51 Mm Comb) Sheets Dimension W X D X H (Mm): 510 X 360 X 25.5mm Weight (Kg): 12 Method Of Operation: Manual	1		
10	Stapler Heavy Duty Jenama: Kangaro Model: Hd23117	1		
11	Mesin Binding Comb Jenama: Gbc Model: Combbind 210e Punch Cap: 20 Sheets 80g Bind Cap: 450 Sheets (51mm Comb) Document Size: A4 Dimension: 400 X 390 X 145mm Weight: 12kg	1		

12	Mesin Perakam Waktu Jenama: Amano Model: Ex3500n Spesifikasi: 6 Columns , 2 Colour Printing & Programming Backup	1		
13	Mesin Shredder Heavy Duty Jenama: Biosystem Model: Platinum Iii Spesifikasi: 6 Sheets (A4), Micro Cut Weight: 12.5kg	2		
14	Label Printer Jenama: Brother Model: Pt-D450 <ul style="list-style-type: none"> • Keyboard-Qwerty • Lcd-20 Characters X 2 Lines • Cutter-Manual • Types Of Tape-Tze Tape (Laminated) • Tape Size-6, 9, 12, 18mm • Print Speed-20mm/Sec • Print Resolution-180 Dpi/112 Dots 	1		
15	Mesin Penebuk Baucar Model: Pernuma Electric Date & Text Perforating Machine Model: Office D <ul style="list-style-type: none"> • Fixed Text: Dibayar / Paid / Void • Date Perforation (I.E. 5th Dec 2012 – 05-12-12) • Font Size: 6 / 8 / 10mm • Punch Capacity: 20 Sheets • Insertion Depth; 42mm 	1		
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				

<p>* Masukkan Jumlah seperti di Lampiran H.</p>	<p>JUMLAH HARGA :</p> <p>RM</p> <p>Jumlah Dengan Perkataan :</p> <p>Ringgit</p> <p>Malaysia</p> <p>.....sahaja</p>
--	--

****NOTA TAMBAHAN:**

Harga yang ditawarkan perlulah mengambil kira kos penghantaran.

**MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG PERALATAN PEJABAT
KEPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020**

NO. SEBUT HARGA : Bil. PSUKPP/51/2020

Tandatangan Pemilik Syarikat :

Nama Pemilik Syarikat :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Dokumen Sebut Harga Membekal, Menghantar dan Memasang Peralatan Pejabat kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2020

SENARAI KERJA / BEKALAN / PERKHIDMATAN YANG SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN

Bil.	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Agensi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak		Nama/No. Telefon Pegawai Jabatan Yang Bertanggungjawab
				Mula	Tamat	

PERHATIAN :

Wajib senaraikan pengalaman perkhidmatan yang dilaksanakan bagi tempoh semasa dan lima tahun kebelakang sahaja dan **wajib** sertakan surat tawaran kontrak/bukti daripada jabatan/agensi berkenaan.

* Sila guna lampiran tambahan sekiranya tidak mencukupi

Tandatangan Pemilik Syarikat :

Nama Pemilik Syarikat :

Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh :

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG PERALATAN PEJABAT
KEPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN
2020**

No. Sebut harga: Bil. PSUKPP/51/2020

Saya,..... Nombor K.P..... yang
memiliki syarikat..... nombor
Pendaftaran Syarikat..... dengan ini mengisytiharkan

bahawa saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada
mana-mana individu dalam **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atau
mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai
sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai pemilik
syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga yang ditandatangani tanpa
bayaran ganti rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku,
memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....)
(Nama:

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

**MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG PERALATAN PEJABAT
KEPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN
2020**

No. Sebut harga: Bil. PSUKPP/51/2020

Saya,..... Nombor K.P..... yang memiliki syarikat..... nombor Pendaftaran Syarikat dengan ini mengisytiharkan bahawa saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga yang ditandatangani tanpa bayaran ganti rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama:)

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

LAMPIRAN M

Perjanjian ini dibuat pada hari bulan 2020

ANTARA

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG yang bagi tujuan Perjanjian ini diwakili oleh PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG yang beralamat di PARAS 25, KOMTAR, 10503 PULAU PINANG (kemudian daripada ini disebut sebagai “Kerajaan Negeri”) di satu pihak;

DENGAN

.....sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan mempunyai alamat berdaftaranya di (kemudian daripada ini disebut sebagai “Kontraktor”) di pihak yang satu lagi

(Kerajaan Negeri dan Kontraktor boleh dirujuk secara berasingan sebagai “Pihak” atau bersesama sebagai “Pihak-Pihak”).

BAHAWASANYA Kontraktor bersetuju untuk menyediakan Perkhidmatan Membekal Dan Menghantar Pelbagai Jenis Alat Tulis Kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri bersetuju untuk menerima perkhidmatan yang dibekalkan oleh Kontraktor mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI PIHAK-PIHAK BERSETUJU SEPERTI BERIKUT:

1. TAKRIF DAN TAFSIRAN

1.1 Takrif

Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang berlainan:

- “Bekalan Alat Tulis” : ertinya Perkhidmatan Membekal Dan Menghantar Pelbagai Jenis Alat Tulis Kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti yang diperincikan dalam Jadual Pertama;
- “Premis” : ertinya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, Komtar, 10503 Pulau Pinang;
- “Tempoh Bekalan” : ertinya tempoh yang dinyatakan dalam Klausula 2 Perjanjian ini; dan
- “Waktu Perkhidmatan Biasa” : ertinya waktu pejabat Kerajaan Negeri iaitu:
- (a) mulai 8.00 pagi hingga 5.30 petang pada hari Isnin – Jumaat; dan
 - (b) tidak termasuk hari cuti umum dan cuti am bagi Kerajaan Negeri.

1.2 Tafsiran

Dalam Perjanjian ini, melainkan sehingga konteksnya ditafsirkan sebaliknya–

- 1.2.1 rujukan kepada apa jua undang–undang atau kepada apa jua peruntukan undang–undang adalah termasuk apa jua modifikasi statutori atau enakmen semula atau apa jua peruntukan undang–undang yang digantikan untuk undang–undang berkenaan dan instrumen statutori yang dikeluarkan di bawah undang–undang atau peruntukan tersebut;
- 1.2.2 perkataan yang bersifat tunggal akan dianggap sebagai bersifat majmuk dan sebaliknya;
- 1.2.3 perkataan yang bersifat individu hendaklah termasuk syarikat dan sebaliknya;
- 1.2.4 tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil kepada klausa-klausa dalam Perjanjian ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini atau untuk dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Perjanjian ini;
- 1.2.5 rujukan kepada Klausa dan lampiran adalah rujukan kepada Klausa-Klausa dan lampiran-lampiran kepada Perjanjian ini dan hendaklah diambil, dibaca dan dianggap sebagai bahagian penting Perjanjian ini;
- 1.2.6 rujukan kepada Klausa, dalam keadaan sub-klausa, perenggan dan sub-perenggan adalah rujukan kepada sub-klausa, perenggan dan sub-perenggan dalam Perjanjian ini mengikut mana yang terpakai;
- 1.2.7 rujukan kepada apa jua dokumen atau perjanjian, dokumen tender, surat niat, surat tawaran hendaklah dianggap termasuk rujukan kepada dokumen atau perjanjian yang telah dipinda, telah dinovasi, telah ditambah, telah diubah atau telah diganti dari semasa ke semasa;
- 1.2.8 apa jua perkataan atau ungkapan yang didefinisikan di dalam Perjanjian ini, definisi tersebut hendaklah terpakai kepada semua variasi tatabahasa dan ungkapan yang sama untuk perkataan atau ungkapan yang didefinisikan;
- 1.2.9 perkataan yang merujuk kepada mana-mana jantina hendaklah meliputi semua jantina;
- 1.2.10 apa-apa rujukan kepada “undang-undang” hendaklah termasuk apa-apa perlembagaan, dikri, penghakiman, perundangan, arahan, ordinar, peraturan, statut, triti, undang-undang kecil atau lain-lain undang- undang yang berkuatkuasa di Malaysia; dan
- 1.2.11 jika mana-mana tempoh masa dinyatakan daripada hari yang dinyatakan atau hari sesuatu perbuatan atau peristiwa itu dinyatakan, tempoh berkenaan hendaklah dikira termasuk hari yang dinyatakan dan sekiranya hari tersebut atau hari sesuatu perbuatan atau peristiwa itu dinyatakan jatuh bukan pada hari bekerja, maka tempoh masa tersebut hendaklah dikira pada hari bekerja berikutnya.

1.3 Tempoh Masa

Sekiranya terdapat rujukan kepada masa atau tarikh di mana perbuatan perlu dilakukan atau perjanjian perlu dicapai atau persetujuan perlu diberikan, rujukan tersebut hendaklah dianggap dibaca dengan ungkapan “atau apa-apa tempoh atau tarikh mengikut apa-apa keadaan, yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak dari semasa ke semasa.

2. TARIKH KUAT KUASA DAN TEMPOH PERJANJIAN

- 2.1 Perjanjian ini hendaklah disifatkan berkuat kuasa mulai selama (**.....) tahun** (“Tempoh Perjanjian”) **sehingga** (“Tarikh Tamat Perjanjian”).
- 2.2 Melainkan Perjanjian ini dilanjutkan menurut Klausula 2.3, Perjanjian ini akan tamat dengan sendirinya pada Tarikh Tamat Perjanjian tanpa Kontraktor diberi apa-apa notis oleh Kerajaan Negeri.
- 2.3 Kontraktor boleh memohon kepada Kerajaan Negeri untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian dengan membuat permohonan secara bertulis tidak kurang daripada enam (6) bulan sebelum tamat Tempoh Perjanjian jika Kontraktor berniat untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian. Kerajaan Negeri mempunyai kuasa mutlak sama ada hendak mempertimbangkan permohonan itu atau sebaliknya.
- 2.4 Sekiranya Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian, Pihak-Pihak hendaklah berunding dan memuktamadkan terma-terma dan syarat-syarat pelanjutan tersebut tidak lewat dari satu (1) bulan sebelum tamatnya Tempoh Perjanjian.
- 2.5 Sekiranya Pihak-Pihak gagal mencapai persetujuan mengenai pelanjutan tersebut, Perjanjian ini akan dengan sendirinya tamat pada Tarikh Tamat Perjanjian.

3. SKOP PERJANJIAN

Kontraktor bersetuju menyediakan Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis dan Kerajaan Negeri bersetuju menerima Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis tersebut mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

4. BAYARAN PERKHIDMATAN

- 4.1 Tertakluk kepada pematuhan Kontraktor terhadap syarat-syarat dan terma-terma Perjanjian ini, Kerajaan Negeri hendaklah membuat pembayaran maksimum sebanyak **Ringgit Malaysia..... (RM.....) sahaja** secara keseluruhan sepanjang Tempoh Perjanjian sebagai balasan bagi Perkhidmatan yang diberikan oleh Kontraktor (“Bayaran Perkhidmatan”).
- 4.2 Kerajaan Negeri hendaklah membuat Bayaran Perkhidmatan kepada Kontraktor dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan invois dan dokumen yang lengkap berhubung pembayaran daripada Kontraktor dan setelah disemak oleh Kerajaan Negeri. Pembayaran akan dibuat terus ke akaun Kontraktor oleh Bendahari Negeri Pulau Pinang bagi pihak Kerajaan Negeri.
- 4.3 Nilai yang dinyatakan dalam Klausula 4.1 adalah tetap dan apa-apa permohonan bagi tujuan kenaikan harga atau lain-lain tuntutan oleh Kontraktor tidak akan dibenarkan melainkan dipersetujui sebaliknya oleh Kerajaan Negeri melalui pindaan kepada Perjanjian ini.

5. PEMOTONGAN BAYARAN

- 5.1 Sekiranya Kontraktor gagal untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawabnya seperti di dalam Perjanjian ini, Kerajaan Negeri hendaklah berhak menahan atau menangguhkan bayaran-bayaran seperti dinyatakan di Klausula 4.1, kecuali dan sehingga Kerajaan Negeri berpuas hati bahawa Kontraktor telah menyempurnakan tugas dan tanggungjawabnya seperti mana yang dikehendaki.
- 5.2 Kerajaan Negeri juga berhak menolak atau mengurangkan apa-apa pembayaran kepada Kontraktor sekiranya Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis yang diberi tidak memuaskan.

- 5.3 Kadar denda yang akan dikenakan sekiranya Kontraktor gagal membekalkan Pelbagai Jenis Alat Tulis dalam masa **14 HARI dari tarikh Pesanan Kerajaan (LO) dikeluarkan** adalah seperti berikut:-
- (i) Denda sebanyak 0.15% untuk sehari lewat mulai dari hari yang ke lima belas (15) tarikh Pesanan Tempatan dikeluarkan kepada kontraktor.
 - (ii) Denda maksima sebanyak 15% sekiranya tempoh Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis melebihi 100 hari daripada tarikh Pesanan Tempatan dikeluarkan.
 - (iii) Denda yang akan dikenakan akan ditolak terus daripada nilai Bayaran Perkhidmatan yang akan diterima oleh Kontraktor.
 - (iv) Kiraan denda hanya akan ditamatkan selepas Kontraktor selesai menghantar sepenuhnya Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis. Sekiranya Kontraktor hanya menghantar sebahagian Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis atau belum menyelesaikan Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis, denda masih akan dikira sehingga Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis disempunakan sepenuhnya.

6. REPRESENTASI DAN WARANTI

6.1 Kontraktor dengan ini membuat representasi dan waranti kepada Kerajaan Negeri bahawa:

- (a) ia adalah sebuah syarikat berdaftar di bawah undang-undang Malaysia;
- (b) ia mempunyai kuasa untuk memasuki dan melaksanakan obligasi serta urusan di bawah Perjanjian ini;
- (c) ia telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memasuki dan melaksanakan obligasi serta urusan di bawah Perjanjian ini;
- (d) pada bila-bila masa pelaksanaan Perjanjian ini, penyempurnaan atau pelaksanaan Kontraktor akan Perjanjian ini tidak menyalahi sebarang peruntukan dalam mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
- (e) ia adalah sebuah syarikat yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh Kerajaan;
- (f) ia mempunyai keupayaan kewangan dan kepakaran bagi melaksanakan tugas-tugas dan obligasi-obligasi di bawah Perjanjian ini;
- (g) tiada sebarang litigasi, tuntutan cukai, timbang tara, pertikaian atau prosiding yang sedang atau akan berlangsung yang pada pengetahuannya akan memberi kesan negatif terhadap keupayaan kewangan atau tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini; dan
- (h) tiada sebarang perbuatan rasuah, aktiviti tidak sah atau menyalahi undang-undang telah digunakan untuk mendapatkan hak untuk melaksanakan Perjanjian ini,

dan Kontraktor mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri telah memasuki Perjanjian ini berdasarkan representasi dan waranti di atas.

6.2 Kontraktor selanjutnya membuat representasi dan waranti kepada Kerajaan Negeri bahawa representasi dan waranti yang dinyatakan di Klausula 6.1 adalah kekal benar dan tepat sepanjang Tempoh Perjanjian berkuatkuasa kecuali dan melainkan Klausula 6.1(g).

7. OBLIGASI KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri berwaad dengan Kontraktor bahawa sepanjang tempoh Perjanjian ini, Kerajaan Negeri hendaklah:

- 7.1 membayar Bayaran Perkhidmatan yang patut dibayar mengikut Perjanjian ini; dan
- 7.2 membenarkan Kontraktor dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kontraktor pada setiap masa yang sesuai dan setelah satu notis, dalam tempoh yang munasabah, diberi kepada Kerajaan Negeri untuk masuk ke dalam Premis untuk tujuan Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis.

8. OBLIGASI KONTRAKTOR

Kontraktor berwaad dengan Kerajaan Negeri bahawa semasa tempoh Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah:

- 8.1 menghantar Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis dalam Waktu Perkhidmatan Biasa atau mengikut aturan sepertimana yang dipersetujui bersama oleh Kontraktor dan Kerajaan Negeri;
- 8.2 menghantar Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis sepertimana yang diperincikan di dalam **Lampiran 1** perjanjian ini dengan cara yang terbaik dan Kerajaan Negeri berpuas hati dengannya;
- 8.3 memberi jaminan bahawa pelaksanaan Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis hendaklah tulen, baru dan belum digunakan. Tarikh luput Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis yang akan dihantar perlulah sekurang-kurangnya sebelum dua belas (12) bulan dari tarikh penerimaan bekalan oleh Kerajaan Negeri;
- 8.4 bertindak kepada aduan oleh Kerajaan Negeri di mana "*response time*" oleh Kontraktor untuk memberikan perkhidmatan hendaklah dalam masa 4 hingga 5 jam dalam Waktu Perkhidmatan Biasa, dikira daripada waktu panggilan dibuat, dengan syarat panggilan dibuat sebelum jam 3.00 petang pada hari yang sama. Jika panggilan diterima selepas jam 3.00 petang, perkhidmatan hendaklah dibuat sebelum jam 12.00 tengah hari keesokan harinya;
- 8.5 menghantar pegawai yang berkelayakan dan berkemahiran untuk memeriksa dan menguji Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis pada Waktu Perkhidmatan Biasa;
- 8.6 mengganti rugi Kerajaan Negeri atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis yang berpunca daripada kelalaian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh Kontraktor, pekerjaanya, agen-agennya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya; dan
- 8.7 menyediakan dan menyelenggarakan buku log Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis bagi setiap sukuan tahun, di mana setiap kali perkhidmatan tersebut dilaksanakan, buku log tersebut hendaklah ditandatangani oleh wakil Pihak-Pihak dan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri apabila diminta dari semasa ke semasa.

9. PELAKSANAAN KONTRAK

Kerajaan Negeri berhak menamatkan Perjanjian ini menurut Klausa 10 jika berlaku sebarang masalah seperti tahap mutu Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis yang tidak memuaskan. Penilaian akan dibuat dari semasa ke semasa selepas tiga (3) bulan Perjanjian ini berkuat kuasa bagi menentukan prestasi Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis.

10. PENAMATAN

10.1 Penamatan oleh Kerajaan Negeri

10.1.1 Kemungkiran Kontraktor

Sekiranya Kontraktor, tanpa apa-apa sebab yang munasabah:

- (a) menangguhkan pelaksanaan Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis tersebut;
- (b) gagal memberikan Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis tersebut secara berterusan;
- (c) gagal memberikan Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis tersebut atau gagal menjalankan obligasi seperti yang dipersetujui di dalam Perjanjian ini; atau
- (d) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat atau terma Perjanjian ini,

Kerajaan Negeri hendaklah memberi notis bertulis kepada Kontraktor dengan menyatakan butiran mengenai kemungkiran itu dan meminta Kontraktor untuk meremedikannya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis itu. Sekiranya Kontraktor gagal untuk meremedikan kemungkiran itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis tersebut atau mana-mana tempoh lain yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri berhak menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis selama tiga puluh (30) hari kepada Kontraktor untuk menamatkan Perjanjian ini.

10.1.2 Penamatan Am

Kerajaan Negeri boleh menamatkan Perjanjian ini sekiranya Kontraktor membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang atau membuat sesuatu pindahhak atau serahhak bagi faedah pemiutang atau meluluskan suatu ketetapan, atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa Kontraktor digulung (bukan suatu penggulangan anggota bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulangan.

10.1.3 Penamatan Dengan Notis

Kerajaan Negeri boleh, pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis dan tanpa perlu memberi apa-apa sebab, menamatkan Perjanjian ini dengan syarat sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari notis secara bertulis diberikan kepada Pihak yang satu lagi.

10.1.4 Penamatan atas Kepentingan Kerajaan Negeri

- (a) Walau apa pun peruntukan Perjanjian ini, Kerajaan Negeri boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada Kontraktor (tanpa memberikan apa-apa alasan), atas alasan bahawa penamatan Perjanjian ini adalah perlu bagi "kepentingan Kerajaan Negeri" atau bagi tujuan "mematuhi dasar Kerajaan Negeri".
- (b) Bagi tujuan Klausula ini, maksud "kepentingan Kerajaan Negeri" atau bagi tujuan mematuhi "dasar Kerajaan Negeri" hendaklah ditentukan oleh

Kerajaan Negeri dan penentuan tersebut hendaklah bagi semua hasrat dan tujuan adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

10.1.5 Penamatan atas sebab Rasuah atau Aktiviti-Aktiviti yang Menyalahi Undang-Undang

- (a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak lain Kerajaan Negeri, sekiranya Kontraktor, ejen, personel, kakitangan atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau perjanjian lain yang dimeterai oleh Kerajaan Negeri dengan Kontraktor, maka Kerajaan Negeri berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis dengan serta-merta kepada Kontraktor bagi tujuan penamatan Perjanjian ini.
- (b) Dengan penamatan di bawah Klausula 10.1.5(a) tersebut, Kerajaan Negeri berhak ke atas kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri berikutan daripada penamatan Perjanjian ini.
- (c) Bagi mengelakkan keraguan, Pihak-Pihak dengan ini bersetuju bahawa Kontraktor tidak berhak ke atas apa-apa bentuk kerugian lain termasuklah kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa-apa pun daripada penamatan Perjanjian ini.

10.2 Kesan Penamatan Oleh Kerajaan Negeri

Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan mengikut Klausula 10.1-

- (a) semua hak dan obligasi Kontraktor di bawah Perjanjian ini hendaklah ditamatkan dengan serta merta;
- (b) Kontraktor hendaklah mengemukakan laporan dan dokumen lengkap berkenaan Bekalan Pelbagai Jenis Alat Tulis yang dilaksanakan olehnya setakat tarikh sebelum Perjanjian ditamatkan bagi tujuan Bayaran Perkhidmatan; dan
- (c) Kerajaan Negeri tidak akan menanggung apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Kontraktor akibat dari penamatan Perjanjian ini,

DENGAN SYARAT BAHAWA penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan ganti rugi, pampasan atau apa-apa bayaran lain menurut peruntukan dalam Perjanjian ini daripada Kontraktor.

10.3 Penamatan oleh Kontraktor

- 10.3.1 Sekiranya Kerajaan Negeri gagal untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini, maka Kontraktor boleh menyampaikan notis bertulis kepada Kerajaan Negeri untuk meremedikan pelanggaran tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh notis tersebut.
- 10.3.2 Setelah tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis tersebut, dan pelanggaran yang diadukan itu tidak diremedikan, maka Kontraktor boleh memberi notis bertulis selama tiga puluh (30) hari kepada Kerajaan Negeri untuk menamatkan Perjanjian ini.

10.4 Kesan Penamatan Oleh Kontraktor

Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan mengikut Klausula 10.3, Kontraktor bersetuju untuk menerima bayaran berikut oleh Kerajaan Negeri sebagai penyelesaian penuh dan muktamad bagi apa-apa bayaran yang berbangkit berhubung dengan pelaksanaan Perjanjian ini-

- (a) Kerajaan Negeri hendaklah membayar kepada Kontraktor apa-apa bayaran yang terhutang dan perlu dibayar kepada Kontraktor setakat tarikh sebelum Perjanjian ditamatkan; dan
- (b) Kontraktor hendaklah menamatkan Perkhidmatan dengan serta merta.

11. FORCE MAJEURE

11.1 Kontraktor dan Kerajaan Negeri adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan *Force Majeure*. Dalam keadaan ini, yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan Pihak-Pihak tanpa apa-apa pampasan. Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud:

- (a) peperangan (sama ada ia diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
- (b) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan penganas;
- (c) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran spontan bawah tanah, ombak besar atau apa-apa bencana alam yang secara munasabahnyanya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga;
- (d) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- (e) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa-apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (f) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau
- (g) sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana Pihak.

Walau bagaimanapun, keadaan *Force Majeure* adalah tidak termasuk kemerosotan ekonomi, dana yang tidak mencukupi, atau masalah kewangan di pihak Kontraktor dalam menjalankan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini.

11.2 Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta merta memaklumkan akan kejadian *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai kejadian *Force Majeure* dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini.

11.3 Mana-mana Pihak tidak boleh menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausula ini jika Pihak-Pihak telah memutuskan secara munasabahnyanya bahawa satu kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.

- 11.4 Kontraktor hendaklah membuktikan bahawa kejadian *Force Majeure* betul-betul berlaku sebelum Kontraktor dapat melepaskan tanggungjawabnya mengikut Klausula 11.1.
- 11.5 Jika Perjanjian ini ditamatkan di bawah Klausula 11.1 di atas, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggungjawab terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.
- 11.6 Bagi mengelakkan apa-apa keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan Klausula ini.

12. JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 12.1 Apa-apa hal, pertikaian atau tuntutan yang timbul daripada atau berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah diselesaikan secara baik oleh Pihak-Pihak.
- 12.2 Jika hal, pertikaian atau tuntutan tersebut tidak dapat diselesaikan secara baik oleh Pihak-Pihak, maka hal, pertikaian atau tuntutan tersebut boleh dirujuk oleh mana-mana Pihak kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian yang dianggotai oleh:
- (a) seorang (1) wakil sebagai pengerusi bebas yang dilantik secara persetujuan bersama oleh Pihak-Pihak;
 - (b) seorang (1) wakil yang dilantik daripada Kerajaan Negeri; dan
 - (c) seorang (1) wakil yang dilantik daripada Kontraktor.
- 12.3 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tersebut hendaklah menentukan prosedurnya sendiri. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tersebut hendaklah bermesyuarat dan berusaha untuk mencapai penyelesaian secara damai di antara Pihak-Pihak berkenaan dengan apa-apa perkara yang dirujuk kepada mereka.
- 12.4 Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuk Pengerusi memegang satu undi. Apa-apa keputusan Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian adalah muktamad dan hendaklah mengikat Pihak-Pihak.

13. TIMBANG TARA

- 13.1 Jika hal, pertikaian atau tuntutan tersebut masih tidak dapat diselesaikan oleh Pihak-Pihak yang terlibat, maka hal, pertikaian atau tuntutan tersebut boleh dirujuk kepada penimbang tara yang hendaklah dipersetujui oleh Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini dan sekiranya tidak ada persetujuan, penimbang tara hendaklah dicalonkan atas permohonan oleh salah satu Pihak kepada Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur. Apa-apa rujukan hendaklah dianggap sebagai suatu rujukan kepada timbang tara mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646]. Keputusan yang diberikan oleh penimbang tara adalah muktamad dan mengikat Pihak-Pihak yang terlibat.
- 13.2 Setiap prosiding timbang tara hendaklah dijalankan di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur dengan menggunakan semua kemudahan dan peraturan-peraturan yang diterima pakai di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.
- 13.3 Apa-apa rujukan mengenai apa-apa hal, pertikaian atau tuntutan kepada timbang tara menurut klausula ini dan/atau perlanjutan prosiding timbang tara akibat daripadanya

hendaklah tidak akan sama sekali bertindak sebagai penepian obligasi Pihak-Pihak dalam menjalankan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini.

14. LIABILITI

Kontraktor tidak akan bertanggung terhadap segala kerugian, kecederaan atau kerosakan yang dialami oleh Kerajaan Negeri akibat sebarang kecacatan atau kerosakan Kelengkapan kecuali jika kerugian, kecederaan atau kerosakan tersebut disebabkan oleh kelalaian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh Kontraktor, pekerjanya, agen-agensya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya.

15. NOTIS

15.1 Apa-apa notis, persetujuan, kebenaran atau permintaan yang perlu diberi atau dibuat di bawah Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dalam Bahasa Kebangsaan. Notis, persetujuan, kebenaran atau permintaan itu hendaklah disifatkan sebagai telah diberi atau dibuat apabila ia telah disampaikan dengan tangan, pos atau faks kepada Pihak yang satu lagi kepada alamat yang ditetapkan seperti yang dinyatakan di bawah atau di alamat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh mana-mana Pihak kepada Perjanjian ini dari semasa ke semasa secara bertulis:

(a) Bagi pihak Kerajaan Negeri :

Alamat	:	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Paras 25, KOMTAR 10503 Pulau Pinang
No. Telefon	:	04-6505222
No. Faks	:	04-2613203

(b) Bagi pihak Kontraktor :

Alamat	:	
No. Telefon	:	
No. Faks	:	

15.2 Pihak-pihak hendaklah memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada Pihak yang satu lagi daripada tarikh berlaku pertukaran alamat atau entiti.

16. PENEPIAN HAK

Kegagalan mana-mana Pihak untuk melaksanakan apa-apa hak atau remediya tidak boleh dianggap sebagai suatu penepian terhadap hak atau remedi tersebut melainkan jika penepian tersebut dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Kerajaan Negeri atau Kontraktor atau seseorang yang diberi kuasa secara nyata oleh Kerajaan Negeri atau Kontraktor untuk tujuan tersebut.

17. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

18. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Pihak-Pihak pada Perjanjian ini bersetuju untuk mematuhi segala ketetapan Akta, Ordinan, Enakmen, peraturan-peraturan yang berkuat kuasa atau undang-undang kecil, arahan atau pekelliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan/Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

19. BIDANG KUASA MAHKAMAH

Tertakluk kepada klausa-klausa penyelesaian pertikaian, seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini, Pihak-Pihak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mendengar segala tindakan atau prosiding di bawah Perjanjian ini.

20. PINDAAN

Sebarang pindaan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis, dipersetujui dan disahkan oleh Pihak-Pihak dan pindaan tersebut hendaklah dibuat dalam bentuk perjanjian tambahan dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

21. DUTI SETEM DAN KOS

Apa-apa kos penyediaan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Pihak-Pihak manakala kos duti setem hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor.

22. IKLAN

Maklumat mengenai Perjanjian ini tidak boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau apa-apa alat pengiklanan lain tanpa kelulusan bertulis daripada Kerajaan Negeri.

23. MASA SEBAGAI INTIPATI

Masa hendaklah menjadi inti pati kepada Perjanjian ini.

24. PENGUATKUASAAN TERHADAP PENGGANTI

Perjanjian ini hendaklah mengikat pihak-pihak, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dalam milik pihak-pihak.

25. KEBOLEHASINGAN

Jika mana-mana klausa daripada Perjanjian ini didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang sekarang atau undang-undang masa hadapan, klausa tersebut hendaklah diasingkan sepenuhnya dan Perjanjian ini hendaklah ditafsir dan dikuatkuasakan seolah-olah klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut tidak pernah terkandung sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini dan klausa-klausa lain hendaklah kekal berkuatkuasa sepenuhnya dan mempunyai kesan seolah-olah Perjanjian ini telah diikat tanpa klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut.

26. IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini dianggap mengikat mana-mana wakil, wasi, wakil diri, pentadbir, pemegang serah, pengganti atau penerima pindah milik bagi pihak-pihak yang memasuki Perjanjian ini.

27. SERAH HAK

Kontraktor tidak boleh menyerah hak, memberi kontrak kecil Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat dengan atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini kepada pihak ketiga tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan Negeri.

28. INSURANS PEKERJA

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab terhadap semua pekerjaanya yang melaksanakan Perjanjian ini dengan mengambil perlindungan insurans pampasan pekerja dan mendaftar pekerjaanya dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sekiranya berkaitan.

29. TAJUK-TAJUK DAN TAJUK-TAJUK KECIL

Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil kepada klausa-klausa dalam Perjanjian ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada Perjanjian atau untuk dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Perjanjian ini.

(Ruang di bawah sengaja dibiarkan kosong)

LAMPIRAN 1

Kontraktor adalah dikehendaki membekalkan Peralatan Pejabat seperti berikut :-

PADA PENYAKSIKAN PERJANJIAN INI, Pihak-Pihak pada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun mula-mula yang tertulis di atas.

Untuk dan bagi pihak Kerajaan Negeri)
)
Nama :
No. K.P. :
Jawatan :

Di hadapan :

Nama)
)
No. K.P.)
Jawatan)

Untuk dan bagi pihak Kontraktor)
)
Nama :
No. K.P. :
Jawatan :

Di hadapan :

Nama)
)
No. K.P.)
Jawatan)